



31 Disember 2019
31 December 2019
P.U. (A) 411

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS
(PINDAAN) (NO. 2) 2019

EXCISE (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA EKSAIS 1976

PERATURAN-PERATURAN EKSAIS (PINDAAN) (NO. 2) 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 85(1) Akta Eksais 1976 [Akta 176], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Eksais (Pindaan) (No. 2) 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2020.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Eksais 1977 [P.U. (A) 161/1977], yang disebut "Peraturan-Peraturan ibu" dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2—

(a) dengan memotong takrif "hari kerja penuh";

(b) dengan memotong takrif "hari kerja setengah";

(c) dengan memotong takrif "hari kelepasan awam";

(d) dengan memotong takrif "hari rehat mingguan";

(e) dengan memasukkan sebelum takrif "pemegang lesen" takrif yang berikut:

' "hari kerja" ertinya sesuatu hari yang bukan hari kelepasan mingguan, hari kelepasan am atau hari rehat;

"hari rehat" ertinya hari Sabtu;'

(f) dengan menggantikan takrif "pemegang lesen" dengan takrif yang berikut:

"pemegang lesen" ertiya mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 25 Akta;'; dan

(g) dengan memotong takrif "pengilang berlesen".

Pemotongan Bahagian II

3. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Bahagian II.

Pindaan Bahagian III

4. Bahagian III Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam tajuk dengan memasukkan selepas perkataan "SEKSYEN 20" perkataan "DAN SEKSYEN 25".

Penggantian peraturan 4

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 4 dengan peraturan yang berikut:

"Permohonan 4. (1) Tiap-tiap permohonan bagi pemberian suatu lesen bagi lesen. di bawah seksyen 20 dan 25 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 1 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019 [P.U. (A) 397/2019] dan disertakan dengan pelan dan lukisan—

(a) dalam hal suatu lesen di bawah seksyen 20—

(i) tapak;

(ii) susun atur kawasan dan premis yang akan dilesenkan;

(iii) susun atur kawasan dalaman yang menunjukkan—

- (A) ruang simpanan yang berasingan untuk bahan mentah atau barang-barang lain yang akan digunakan dalam pengilangan, keluaran siap dan sisa-sisa daripada kilang; dan
 - (B) ruang kilang yang berasingan untuk digunakan semata-mata untuk mengeluarkan barang-barang berduti dan bukan untuk apa-apa maksud lain.;
 - (iv) susun atur loji, jentera, peralatan dan paip-kerja;
 - (v) jenis-jenis pagar dan sekatan; dan
 - (vi) penginapan pejabat yang berasingan untuk kegunaan pegawai eksais sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah; dan
- (b) dalam hal suatu lesen di bawah seksyen 25—
- (i) tapak;
 - (ii) susun atur kawasan dan premis yang akan dilesenkan;
 - (iii) susun atur kawasan dalaman;

- (iv) jenis-jenis pagar dan sekatan; dan
- (v) penginapan pejabat yang berasingan untuk kegunaan pegawai eksais sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), dalam hal premis yang sudah terlibat dalam pengilangan barang-barang yang dibuat berduti di bawah seksyen 6 Akta, pelan dan lukisan itu hendaklah dikemukakan seawal mungkin atau tidak lewat daripada sembilan puluh hari dari tarikh barang-barang itu menjadi berduti.

(3) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemukakan kepada pegawai kanan eksais yang menjaga daerah—

(a) dalam hal perenggan (1)(a), di mana premis itu akan terletak; dan

(b) dalam hal perenggan (1)(b), di mana gudang yang dicadangkan itu akan terletak.

(4) Tiap-tiap permohonan di bawah subperaturan (1) oleh suatu pertubuhan perbadanan atau sebuah badan yang tidak diperbadankan hendaklah dibuat oleh tuan punya atau pekongsi atau pengarah mengikut mana-mana yang berkenaan, atau oleh orang yang diberi kuasa untuk menerima penyampaian notis atau dokumen lain bagi pihak badan tersebut.

(5) Sijil perakuan pendaftaran atau perakuan perbadanan itu mengikut mana-mana yang berkenaan hendaklah dikemukakan apabila diminta oleh seorang pegawai kanan eksais.".

Pemotongan peraturan 5

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 5.

Penggantian peraturan 10

7. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 10 dengan peraturan yang berikut:

“Pengeluaran 10. (1) Ketua Pengarah boleh, apabila berpuas hati bahawa premis dan loji adalah lengkap dan bersedia untuk beroperasi berhubung dengan permohonan di bawah peraturan 4, mengeluarkan suatu lesen dalam Borang JKDM No. 3 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019—

(a) atas pembayaran fi sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga Peraturan-Peraturan ini; dan

(b) atas pembayaran jaminan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi perlindungan hasil eksais.

(2) Apa-apa lesen yang diberikan di bawah peraturan ini hendaklah tertakluk kepada apa-apa tempoh dan syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Lesen yang diberikan di bawah Bahagian ini hendaklah berkuat kuasa pada hari pertama suatu bulan dan melainkan jika terlebih dahulu dibatalkan atau digantung hendaklah sah selama apa-apa tempoh tidak kurang daripada enam bulan berturut-turut sebagaimana yang dinyatakan dalam lesen itu.”.

Pindaan peraturan 11

8. Peraturan 11 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pengeluaran sesuatu lesen tidaklah melepaskan pemohon atau pemegang lesen" dengan perkataan "Pengeluaran suatu lesen tidak boleh melepaskan pengilang berlesen atau pemegang lesen itu".

Pindaan peraturan 12

9. Peraturan 12 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai berikut:

"Pembaharuan
lesen.";

(b) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "seksyen 20 Akta" dengan perkataan "Bahagian ini"; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan "tiga bulan" dengan perkataan "sembilan puluh hari"; dan

(c) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan sebelum perkataan "pemegang lesen" perkataan "pengilang berlesen atau".

Peraturan baharu 12A

10. Bahagian IV Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas tajuk peraturan yang berikut:

"Tafsiran. 12A. Bagi maksud Bahagian ini, "premis berlesen" ertiinya premis yang mengenainya suatu lesen telah dikeluarkan di bawah seksyen 20 Akta.".

Pindaan peraturan 15

11. Peraturan 15 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemegang lesen" dengan perkataan "pengilang berlesen".

Pindaan peraturan 16

12. Peraturan 16 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam nota birai dengan menggantikan perkataan "Liquor" dengan perkataan "Barang-barang".

Pindaan peraturan 17

13. Peraturan 17 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "Liquor" dengan perkataan "Barang-barang";
- (b) dalam teks bahasa Inggeris, dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "liquor" dengan perkataan "goods"; dan
- (c) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "pemegang lesen" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "pengilang berlesen".

Pindaan peraturan 18

14. Peraturan 18 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemegang lesen" dengan perkataan "pengilang berlesen".

Pindaan peraturan 19

15. Subperaturan 19(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "pemegang lesen" dengan perkataan "pengilang berlesen".

Penggantian peraturan 20

16. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 20 dengan peraturan yang berikut:

"Premis berlesen hendaklah dibuka di hadapan pegawai yang hak hanya jika Ketua Pengarah mengarahkan sedemikian.".
di hadapan pegawai yang hak.

Penggantian peraturan 21

17. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 21 dengan peraturan yang berikut:

"Pengilang berlesen hendaklah menyimpan rekod terkini yang lengkap dan benar semua butir yang berhubungan dengan—

(a) bahan-bahan mentah dan barang-barang lain yang hendak digunakan dalam pengilangan yang diterima untuk disimpan di premis berlesen, yang dikeluarkan untuk pengilangan dan yang disimpan dalam stok;

(b) keluaran separa-siap atau sebahagiannya telah siap dalam pengilangan;

(c) sisa-sisa keluaran; dan

(d) keluaran siap yang dikilang, disimpan dan dipindahkan dari premis berlesen.

(2) Semua rekod butir-butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemaskini setiap hari sebelum masa di mana premis berlesen ditutup dan hendaklah seimbang pada penutupan perniagaan pada hari terakhir setiap bulan kalendar.

(3) Tiap-tiap pengilang berlesen hendaklah mengemukakan kepada pegawai kanan eksais daerah suatu penyata bulanan dalam bentuk yang ditentukan oleh Ketua Pengarah dalam syarat-syarat lesen yang dikeluarkan, tidak lewat daripada hari kesepuluh setiap satu bulan.".

Pindaan peraturan 22

18. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam peraturan 22 termasuk nota birai dengan menggantikan perkataan "pengilang tembakau berlesen" dengan perkataan "pengilang berlesen produk tembakau".

Pemotongan peraturan 23, 25 dan 26

19. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 23, 25 dan 26.

Pindaan peraturan 27

20. Peraturan 27 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "kebenaran" dengan perkataan "kebenaran bertulis".

Pindaan peraturan 28

21. Peraturan 28 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Pemegang lesen
untuk menyimpan
rekod."; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (1) dan (2) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Pemegang lesen hendaklah menyimpan rekod terkini yang lengkap dan benar semua perihal yang berhubungan dengan kuantiti dan perihalan barang berduti yang diterima masuk ke dalam dan dipindahkan dari gudang berlesen.

(2) Semua rekod butir-butir yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) hendaklah dikemaskini setiap hari sebelum gudang berlesen ditutup dan hendaklah seimbang pada penutupan perniagaan pada hari terakhir setiap bulan kalendar.”.

Peraturan baharu 28A

22. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas peraturan 28 peraturan yang berikut:

"Ketua Pengarah boleh memerintahkan pemegang lesen melaksanakan langkah-langkah keselamatan diambil.	28A. Walau apa pun apa-apa peruntukan lain dalam Peraturan-Peraturan ini, Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa secara bertulis memerintahkan pemegang lesen supaya melaksanakan langkah-langkah keselamatan untuk menjaga dan menjamin keselamatan barang berduti yang disimpan dalam premis berlesen itu".
--	--

Pindaan peraturan 29

23. Peraturan 29 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Apabila pemunya barang-barang berduti atau seorang pengilang berlesen ingin memindahkan apa-apa barang-barang berduti dari premis berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta, untuk kegunaan dalam kawasan utama kastam, pemunya atau pengilang berlesen itu hendaklah membuat suatu permohonan kepada pegawai yang hak dalam borang yang ditetapkan sebagai Eksais No. 7 atau No. 7A, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini.".

Pindaan peraturan 29A

24. Peraturan 29A Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Pemindahan
barang-barang dari
gudang kastam, gudang
berlesen, gudang
pengilangan berlesen,
depot pelepasan
pedalaman atau gudang
atau tempat lain yang
diluluskan oleh
Ketua Pengarah di
bawah Akta
Kastam 1967.";

(b) dengan menggantikan perkataan "pegawai yang hak" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "pegawai kastam yang hak"; dan

(c) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Apabila pemunya barang-barang berduti hendak memindahkan kesemua atau sebahagiannya dari kawalan eksais" dengan perkataan "Apabila pemunya barang-barang berduti yang diimport disimpan dalam gudang kastam, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen, depot pelepasan pedalaman atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta Kastam 1967 hendak memindahkan keseluruhan atau sebahagiannya daripada kawalan kastam";

(ii) dengan menggantikan perenggan (a) dengan perenggan yang berikut:

"(a) mengemukakan akuan kepada pegawai kastam yang hak—

- (i) apabila memindahkan sebahagian daripada barang-barang berduti, dalam Borang Kastam No. 9 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019; dan
- (ii) apabila memindahkan keseluruhan barang-barang berduti, dalam Borang Kastam No. 1 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019;"; dan
- (iii) dengan menggantikan perenggan *(b)* dengan perenggan yang berikut:

"(b) mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak resit simpanan yang dikeluarkan bagi barang-barang berduti dalam gudang kastam, gudang berlesen, gudang pengilangan berlesen, depot pelepasan dalaman atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah itu; dan".

Pindaan peraturan 30

25. Peraturan 30 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "tempat suling atau bruari atau dari suatu gudang eksais awam atau suatu gudang berlesen" dengan perkataan "premis yang dilesen di bawah seksyen 20 Akta, atau suatu gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta".

Pindaan peraturan 31

26. Peraturan 31 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Apabila pemunya barang-barang berduti ingin memindahkan barang-barang berduti itu atau mana-mana sebahagiannya dari premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta, suatu gudang berlesen atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta ke premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta, suatu gudang berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta, dia hendaklah mengemukakan kepada pegawai yang hak—

- (a) suatu permohonan dalam Borang Eksais No. 8 atau No. 8A yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini; atau
- (b) suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pegawai yang hak hendaklah dengan itu membenarkan pemindahan barang-barang tertakluk kepada apa-apa syarat yang hendaklah dicatatkan pada kebenaran itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melindungi hasil.”;

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:

"(1A) Walau apa pun subperaturan (1), barang-barang berduti yang dipindahkan dari suatu premis berlesen ke gudang yang dilesenkan di bawah Akta Kastam 1967 hendaklah bagi maksud eksport."; dan

(c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan "gudang eksais awam, gudang berlesen" dengan perkataan

"gudang berlesen, atau gudang atau tempat yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta".

Pemotongan peraturan 31A

27. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 31A.

Pindaan peraturan 32

28. Peraturan 32 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Apabila pemunya barang-barang berduti ingin memindahkan barang-barang itu atau mana-mana sebahagiannya dari premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta, atau suatu gudang berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta untuk eksport, dia hendaklah mengemukakan kepada pegawai yang hak—

(a) suatu permohonan dalam Borang Eksais No. 8 atau No. 8A yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ini; atau

(b) suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan pegawai yang hak hendaklah dengan itu membenarkan pemindahan barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang hendaklah dicatatkan pada kebenaran itu sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi maksud melindungi hasil.".

Pindaan peraturan 34

29. Peraturan 34 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "gudang awam atau gudang berlesen" dengan perkataan "gudang berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah";
- (b) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "gudang eksais awam atau dalam sesuatu gudang berlesen" dengan perkataan "gudang berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada seorang pegawai kanan eksais"; dan
- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan "suatu gudang eksais awam atau suatu gudang berlesen" dengan perkataan "gudang berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta".

Pindaan peraturan 35

30. Peraturan 35 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "tempat suling, suatu gudang eksais awam atau suatu gudang berlesen" dengan perkataan "premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta".

Penggantian peraturan 38

31. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 38 dengan peraturan yang berikut:

"Rekod proses 38. (1) Seseorang pengilang berlesen yang menjalankan proses denaturasi hendaklah pada setiap masa menyimpan rekod—denaturasi.

(a) kuantiti dan kekuatan liquor denaturasi dalam tiap-tiap satunya; dan

(b) mana-mana bahagian denaturan yang ditinggalkan dan dikeluarkan untuk denaturasi selanjutnya.

(2) Apa-apa pelupusan denaturan hendaklah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan.”.

Pemotongan peraturan 39, 40 dan 41

32. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 39, 40 dan 41.

Pindaan peraturan 42

33. Subperaturan 42(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 atau 25 Akta" dengan perkataan "premis berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "65E Akta Kastam 1967" perkataan "atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta yang sama".

Pindaan peraturan 43

34. Peraturan 43 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "premis yang dilesenkan di bawah seksyen 20 atau 25 Akta" dengan perkataan "premis berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta"; dan
- (b) dengan memasukkan selepas perkataan "65E Akta Kastam 1967" perkataan "atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta yang sama".

Pindaan peraturan 44

35. Peraturan 44 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan subperaturan (1) dengan subperaturan yang berikut:

"(1) Ketua Pengarah boleh mengarahkan pegawai yang hak untuk meletakkan kunci, sil atau lain-lain alat keselamatan seumpamanya sebagaimana yang difikirkannya perlu bagi melindungi hasil, pada mana-mana bahagian premis berlesen atau mana-mana bahagian loji yang terkandung di dalamnya, atau pada mana-mana gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah Akta."; dan

(b) dalam subperaturan (2), dengan memasukkan sebelum perkataan "pemegang lesen" perkataan "pengilang berlesen atau".

Pindaan peraturan 45

36. Peraturan 45 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam nota birai, dengan menggantikan perkataan "boleh" dengan perkataan "hendaklah";

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dengan menggantikan perkataan "premis yang dilesen di bawah seksyen 20 atau 25 Akta sebagaimana yang disebutkan dalam peraturan 5(1), atau dalam mana-mana premis berlesen yang lain" dengan perkataan "premis berlesen"; dan

(c) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan "premises licensed under section 20 of the Act as are mentioned in regulation 5(1), or in any other licensed premises" the words "licensed premises".

Pindaan peraturan 46

37. Peraturan 46 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan “Pemegang lesen sesuatu premis yang dilesen di bawah seksyen 20 atau 25 Akta” dengan perkataan “Pengilang berlesen atau pemegang lesen mana-mana premis berlesen”; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan “sebagaimana yang diarahkan oleh pihak berkuasa yang bertanggungjawab bagi Perkhidmatan Bomba” dengan perkataan “sebagaimana yang dikehendaki di bawah Akta Perkhidmatan Bomba 1988 [Akta 341] atau apa-apa langkah keselamatan lain yang ditetapkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis”.

Pindaan peraturan 47

38. Peraturan 47 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “pemegang lesen sesuatu premis yang dilesen di bawah seksyen 20 atau 25 Akta” dengan perkataan “pengilang berlesen atau pemegang lesen”.

Penggantian peraturan 48

39. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 48 dengan peraturan yang berikut:

“Waktu-waktu kerja biasa pejabat eksais hendaklah dari 8.00 pagi hingga 5.00 petang, kecuali pada hari Khamis bagi negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu dari 8.00 pagi hingga 3.30 petang.

(2) Bagi maksud pembayaran duti eksais, pembayaran yang dibuat selain melalui perbankan elektronik hendaklah dibuat pada waktu-waktu kerja dan hari kerja biasa mengikut Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019.

(3) Pejabat eksais hendaklah ditutup pada—

- (a) tiap-tiap hari kelepasan mingguan dan hari rehat;
- (b) tiap-tiap hari kelepasan am Wilayah Persekutuan;
- (c) tiap-tiap hari kelepasan am Negeri yang ditetapkan bagi Negeri di mana pejabat itu terletak; dan
- (d) mana-mana hari atau dalam apa-apa waktu yang diisyiharkan oleh Menteri melalui pemberitahuan *Warta*.

(4) Jika hari kelepasan am jatuh pada hari kelepasan mingguan di mana-mana Negeri atau Wilayah Persekutuan, pejabat eksais hendaklah ditutup pada hari yang berikutnya dan jika hari itu adalah juga hari kelepasan am, pejabat eksais hendaklah ditutup pada hari yang berikutnya.

(5) Jika tarikh sesuatu hari kelepasan diisyiharkan di bawah Akta Hari Kelepasan 1951 [*Akta 367*], atau mana-mana undang-undang lain yang pada masa ini berkuat kuasa di mana-mana Negeri yang berhubungan dengan pengisytiharan hari kelepasan am adalah tertakluk kepada ubah suaian, tarikh hari kelepasan tersebut, bagi maksud, Peraturan-Peraturan ini, tidak tertakluk kepada ubah suaian.

(6) Bagi mengelak keraguan, “hari kelepasan am Wilayah Persekutuan” dan “hari kelepasan am Negeri” masing-masing hendaklah termasuk “hari kelepasan Wilayah Persekutuan” dan “hari kelepasan Negeri”..

Pindaan peraturan 48A

40. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Peraturan 48A dengan peraturan yang berikut:

"Hari dan waktu kerja. 48A. Waktu-waktu kerja biasa pada hari kerja biasa bagi maksud barang-barang import hendaklah waktu-waktu kerja biasa sebagaimana dinyatakan dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Kastam 2019.".

Pindaan peraturan 49

41. Peraturan 49 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan nota birai dengan nota birai yang berikut:

"Pelanjutan waktu-waktu kerja biasa.";

(b) dalam teks bahasa kebangsaan, dalam subperaturan (1)—

(i) dengan menggantikan perkataan "Waktu-waktu biasa" dengan perkataan "Waktu-waktu kerja biasa"; dan

(j) dengan menggantikan perkataan "waktu-waktu biasa" dengan perkataan "waktu-waktu kerja biasa";

(c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "ordinary hours" di mana-mana juga terdapat dengan perkataan "ordinary working hours";

(d) dalam subperaturan (1), dengan menggantikan perkataan "pegawai kanan kastam" dengan perkataan "pegawai kanan eksais"; dan

(e) dengan memotong subperaturan (3).

Pindaan peraturan 50

42. Peraturan 50 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan sebelum perkataan "pemegang lesen" di mana-mana jua terdapat perkataan "pengilang berlesen atau".

Pindaan peraturan 54

43. Peraturan 54 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (2) dan (3), dengan menggantikan perkataan "Pemegang lesen" dengan perkataan "Pengilang berlesen atau pemegang lesen"; dan
- (b) dalam subperaturan (4), dengan memasukkan sebelum perkataan "pemegang lesen" perkataan "pengilang berlesen atau".

Pindaan peraturan 56

44. Peraturan 56 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Pemegang lesen" dengan perkataan "Pengilang berlesen atau pemegang lesen".

Pindaan peraturan 59

45. Subperaturan 59(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "kilang" dengan perkataan "premis".

Pindaan peraturan 59B

46. Peraturan 59B Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59c

47. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 59c.

Pindaan peraturan 59D

48. Perenggan 59D(1)(a) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "borang Kastam No. 8 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59E

49. Subperaturan 59E(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "mengemukakan kepada pegawai yang hak di perlabuhan atau lapangan terbang itu borang Kastam No. 8 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "mengemukakan kepada pegawai yang hak di perlabuhan atau lapangan terbang itu suatu akuan dalam Borang Kastam No. 8 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59F

50. Subperaturan 59F(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "mengemukakan kepada pegawai yang hak di depot pelepasan darat atau stesen kastam pendalaman borang Kastam No. 2 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "mengemukakan kepada pegawai yang hak di depot pelepasan darat atau stesen kastam pendalaman suatu akuan dalam Borang Kastam No. 2 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59G

51. Peraturan 59G, Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dengan menggantikan perkataan "Bahagian IV Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "Bahagian IV Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019"; dan

(b) dengan menggantikan perkataan "Kastam No. 22 yang ditetapkan dalam Bahagian I Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977"

dengan perkataan "Kastam No. 7 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59H

52. Peraturan 59H Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59I

53. Subperaturan 59I(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "suatu permohonan dalam borang JDA No. 1 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "suatu akuan dalam Borang JDA No. 1 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59J

54. Subperaturan 59J(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "suatu permohonan dalam borang JDA No. 2 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "suatu akuan dalam Borang JDA No. 2 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59K

55. Subperaturan 59K(1) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "suatu permohonan dalam borang JDA No. 3 dalam Jadual Kedua kepada Peraturan-Peraturan Kastam 1977" dengan perkataan "suatu akuan dalam Borang JDA No. 3 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019".

Pindaan peraturan 59N

56. Peraturan 59N Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "pegawai yang hak" dengan perkataan "pegawai kastam yang hak"; dan
- (b) dengan menggantikan perkataan "gudang kastam atau gudang berlesen" dengan perkataan "gudang berlesen selain daripada suatu gudang yang dilesenkan di bawah seksyen 25 Akta".

Pindaan peraturan 59P

57. Subperaturan 59P(3) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan "RM20" dengan perkataan "lima puluh ringgit".

Pindaan peraturan 59Q

58. Peraturan 59Q Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan menggantikan perkataan "atau Tioman" di mana-mana jua terdapat dengan perkataan ", Tioman atau Pangkor"; dan
- (b) dalam perenggan (2)(b), dengan menggantikan perkataan "pegawai yang hak" dengan perkataan "pegawai kastam yang hak".

Pemotongan peraturan 59R

59. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong peraturan 59R.

Pemotongan Bahagian XI

60. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Bahagian XI.

Bahagian baharu XIA

61. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas Bahagian XI yang dipotong bahagian yang berikut:

“BAHAGIAN XIA
PELBAGAI

- | | |
|---|---|
| Tuntutan pulangan cukai. | 60A. Suatu akuan yang berhubungan dengan tuntutan pulangan cukai di bawah seksyen 19 dan 19A Akta atau pemulangan balik di bawah seksyen 13 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 2 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019. |
| Permohonan untuk kajian semula. | 60B. Setiap permohonan bagi kajian semula yang dibuat di bawah seksyen 47 Akta hendaklah dibuat dalam Borang JKDM No. 4 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019. |
| Kebenaran untuk kapal berlabuh di sisi tempat pendaratan yang sah, dll. | 60C. Permohonan untuk mendapatkan kebenaran daripada pegawai yang hak untuk kapal berlabuh di sisi tempat pendaratan yang sah atau di sisi kapal laut di bawah seksyen 40B Akta hendaklah dibuat dalam Borang Kastam No. 11 yang ditetapkan dalam Jadual Ketiga kepada Peraturan-Peraturan Kastam 2019.”. |

Pindaan Jadual Pertama

62. Jadual Pertama kepada Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dalam Bahagian I, dengan menggantikan Borang Eksais No. 3, Eksais No. 4, Eksais No. 5, Eksais No. 6, Eksais No. 7 dan Eksais No. 8 dengan borang yang berikut:

“

Eksais No. 3 (Pin. 2019)
Excise No. 3 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Perenggan 85(2)(e) dan peraturan 22)

EXCISE ACT 1976
(Paragraph 85(2)(e) and regulation 22)

BUKU CATITAN PENGILANG TEMBAKAU
 TOBACCO MANUFACTURER'S ENTRY BOOK

Jenis Tembakau*/ *Type of Tobacco** :

(1) Tarikh <i>Date</i>	(2) Kuantiti Diterima <i>Quantity Received</i>	(3) No. Invois <i>Invoice No.</i>	(4) No. Resit Duti <i>Duty Receipt No.</i>	(5) Dikeluarkan untuk Pengilangan <i>Issued for Manufacture</i>	(6) Baki dalam Stok <i>Balance in Stock</i>
	<i>(kilogram/kg)</i>			<i>(kilogram/kg)</i>	<i>(kilogram/kg)</i>

* Nyatakan sama ada diimport atau ditanam dalam Malaysia, dan juga nama perniagaan serta kualiti.
** State whether imported or grown in Malaysia, also the trade name and quality.*

Eksais No. 4 (Pin. 2019)
Excise No. 4 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Perenggan 85(2)(e) dan peraturan 22)

EXCISE ACT 1976
(Paragraph 85(2)(e) and regulation 22)

DAFTAR PENGILANG TEMBAKAU
TOBACCO MANUFACTURER'S REGISTER

(1) Tarikh <i>Date</i>	(2) Baki yang Tidak Digunakan dari Hari Sebelumnya <i>Unused Balance from Previous Day</i>	(3) Diterima untuk Pengilangan (Ruang 5 Eksais No. 3) <i>Received for Manufacture (Column 5 of Excise No. 3)</i>	(4) Jumlah Kuantiti untuk Pengilangan <i>Total Quantity for Manufacture</i>	(5) Butir-butir Mengenai Barang yang Dikilang <i>Details of Products Manufactured</i>	(6) Berat Bersih Barang-barang Siap Dikilang <i>Nett Weight Of Manufactured Articles</i>	(7) Sisa <i>Wastage</i>	(8) Jumlah Kuantiti Digunakan dalam Pengilangan <i>Total Quantity Used in Manufacture</i>	(9) Baki untuk Hari Berikutnya <i>Balance for Next Day</i>
(1) <i>Date</i>	(2) <i>kilogram/kg</i>	(3) <i>kilogram/kg</i>	(4) <i>kilogram/kg</i>	(5)	(6) <i>kilogram/kg</i>	(7) <i>kilogram/kg</i>	(8) <i>kilogram/kg</i>	(9) <i>kilogram/kg</i>

Eksais No. 5 (Pin. 2019)
Excise No. 5 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Perenggan 85(2)(e) dan peraturan 22)

EXCISE ACT 1976
(Paragraph 85(2)(e) and regulation 22)

BUKU SERAHAN PENGILANG TEMBAKAU
TOBACCO MANUFACTURER'S DELIVERY BOOK

Jenama/Brand:.....

Bungkusan (kilogram setiap kontena)/*Packing (kilogram per container)*:.....

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)
Tarikh <i>Date</i>	Stok dari Hari Sebelumnya <i>Stock from Previous Day</i> (kilogram (bersih)/ <i>kg (nett)</i>)	Diterima ke dalam Stok pada Hari Ini <i>Received into Stock During the Day</i> (kilogram (bersih)/ <i>kg (nett)</i>)	Diserahkan <i>Delivered</i> (kilogram (bersih)/ <i>kg (nett)</i>)	No. Invois <i>Invoice No.</i>	Baki dalam Stok <i>Balance in Stock</i> (kilogram (bersih)/ <i>kg (nett)</i>)

Eksais No. 6 (Pin. 2019)
Excise No. 6 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Perenggan 85(2)(e) dan peraturan 22)

EXCISE ACT 1976
(Paragraph 85(2)(e) and regulation 22)

BUKU STOK SISA-SISA PENGILANG TEMBAKAU
TOBACCO MANUFACTURER'S WASTE STOCK BOOK

(1)	(2)	(3)	(4)	(5)	(6)	(7)
Tarikh <i>Date</i>	Baki dari Hari Sebelumnya <i>Balance from Previous Day</i>	Kuantiti Keluaran Sisa dari Pengilangan atau Diterima dari Pengilang yang Lain <i>Quantity Of Waste Product from Manufacture or Obtained from Other Manufacturers</i>	Dibekalkan kepada Pengilang yang Lain <i>Supplied to Other Manufacturers</i>	No. Invois <i>Invoice No.</i>	Dimusnahkan <i>Destroyed</i>	Baki dalam Stok <i>Balance in Stock</i>

Eksais No. 7 (Pin. 2019)
Excise No. 7 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

Untuk kegunaan rasmi sahaja
For official use only

No. Siri:.....
Serial No.:

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Seksyen 23 dan 28 dan peraturan 29)

EXCISE ACT 1976
(Sections 23 and 28 and regulation 29)

PERMOHONAN UNTUK MEMINDAHKAN BARANG-BARANG BERDUTI DARI GUDANG
BERLESEN DI BAWAH SEKSYEN 25 ATAU DARI PREMIS YANG DILESEN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA EKSAIS

APPLICATION TO REMOVE DUTIABLE GOODS FROM A LICENSED
WAREHOUSE UNDER SECTION 25 OR PREMISE LICENSED UNDER SECTION 20 OF THE ACT

Nama dan alamat pemohon :
Name and address of applicant:

.....
Tempat dari mana barang-barang hendak dipindahkan :.....
Place from which goods are to be removed:

Tarikh dan anggaran waktu barang-barang dicadang hendak dipindahkan:
Date and approximate time of intended removal:

No. Invois/ No. Pesanan Penghantaran:
Invoice No./ Delivery Order No.:

No. Butiran Item No.	No. Lot Lot No.	Perihal Description	Kod Tarif Tariff Code	Kuantiti yang hendak Dipindahkan Quantity Now to be Removed		Nilai Value (RM)		Kekuatan (Liquor yang Memabukkan Sahaja) atau Kandungan Gula (Minuman Bergula Sahaja) atau apa-apa Maklumat yang Berkaitan Barang Strength (Intoxicating Liquors Only) or Sugar Content (Sweetened Beverages Only) or any Relevant Information of the Goods	Untuk kegunaan rasmi sahaja For official use only
				Bungkusan Packages	Unit Units	Satu Unit Per Unit	Jumlah Total		
									Caj Duti Duty Charges
									RM
								Jumlah Amaun yang kena dibayar Total Amount Payable	RM

<p>Saya memohon kebenaran untuk memindahkan barang-barang kepunyaan saya yang tersebut di atas, dan <i>I request permission to remove the above goods of which I am the owner, and</i></p> <p>*membayar duti yang kena dibayar atasnya. <i>pay the duty payable thereon.</i></p> <p>*mengakujanji untuk membayar duti atasnya sebagaimana yang diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6. <i>undertake to pay the duty thereon as provided in the order made under section 6.</i></p> <p>Saya mempunyai cara untuk mengetahui dan dengan ini memperakui bahawa: <i>I have the means of knowing and do hereby certify that:</i></p> <p>(a) butir-butir tersebut di atas adalah benar dan betul dalam segala hal; dan <i>the above particulars are true and correct in every detail; and</i></p> <p>(b) nilai-nilai yang ditunjukkan adalah mengikut takrif nilai dalam seksyen 2. <i>the values shown are in accordance with the definition of value in section 2.</i></p> <p>Tandatangan:..... <i>Signature:</i></p> <p>Jawatan:..... <i>Designation:</i></p> <p>Tarikh:..... <i>Date:</i></p>	<p>Untuk kegunaan rasmi sahaja <i>For official use only</i></p> <p>Pemindahan dibenarkan tertakluk kepada: <i>Removal permitted subject to:</i></p> <p>* pembayaran duti eksais <i>payment of excise duty</i></p> <p>*suatu akuanji untuk membayar duti eksais sebagaimana diperuntukkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 6 <i>an undertaking to pay the excise duty as provided in the order made under section 6</i></p> <p>dan semua caj yang ditunjukkan dalam borang ini. <i>and all charges shown herein.</i></p> <p>..... <i>Pegawai Yang Hak/Proper Officer</i></p> <p>Tarikh:..... <i>Date:</i></p> <p>Resit rasmi, jika berkenaan, bagi jumlah amaun yang kena dibayar akan dicetak dalam borang ini di pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia dimana ada suatu mesin penerimaan. Dalam hal yang sedemikian resit tidak akan diterima sebagai keterangan pembayaran melainkan dicetak oleh mesin Jabatan Kastam Diraja Malaysia sendiri. Di pejabat-pejabat di mana mesin itu tidak ada suatu resit tulisan tangan akan dikeluarkan yang mengandungi nombor siri permohonan ini.</p> <p><i>The official receipt, if applicable, for the total amount payable will be printed in this form at the Royal Malaysian Customs Department offices where a receiving machine is installed. In such cases a receipt will not be accepted as evidence of payment unless printed by the Royal Malaysian Customs Department own machine. In offices where no machine is installed a manual receipt will be issued bearing the serial number of this application.</i></p>
---	--

* Potong mana yang tidak berkenaan.
Delete whichever is inapplicable

Eksais No. 8 (Pin. 2019)
Excise No. 8 (Rev. 2019)

(JUALAN/SALE)

Untuk kegunaan rasmi sahaja
For official use only

(Keluar) No. Siri:.....
(Out) Serial No.:

(Masuk) No. Siri:.....
(In) Serial No.:

MALAYSIA

AKTA EKSAIS 1976
(Seksyen 23 dan 28 dan peraturan 31 dan 32)

EXCISE ACT 1976
(Sections 23 and 28 and regulations 31 and 32)

PERMOHONAN UNTUK MEMINDAHKAN BARANG-BARANG BERDUTI* DARI GUDANG BERLESEN DI BAWAH
SEKSYEN 25 ATAU DARI PREMIS YANG DILESENKEN DI BAWAH SEKSYEN 20 AKTA DENGAN APA-APA CARA,
SELAIN DARIPADA DENGAN CARA MEMBAYAR DUTI

APPLICATION TO REMOVE DUTIABLE GOODS* FROM
A LICENSED WAREHOUSE UNDER SECTION 25 OR PREMISE LICENSED UNDER
SECTION 20 OF THE ACT OTHER THAN ON PAYMENT OF DUTY

Nama dan alamat pemohon:.....
Name and address of applicant:

Tempat dari mana barang-barang hendak dipindahkan:.....
Place from which the goods are to be removed:

*Ke gudang mana barang-barang hendak dipindahkan/tempat eksport:.....
Warehouse to which the goods are to be removed /place of export:

*Nama vesel, nombor kereta, nombor pengangkut berlesen, nombor kontena atau nombor gerabak keretapi:
Name of vessel, vehicle number, licensed carrier number, container number or railway wagon number:

.....
Tarikh barang-barang dicadang hendak dipindahkan:.....
Date of intended removal:

No.Butiran <i>Item No.</i>	No. Lot <i>Lot No.</i>	Perihal <i>Description</i>	Kod Tarif <i>Tariff Code</i>	Kuantiti yang Hendak Dipindahkan <i>Quantity Now to be Removed</i>		Nilai Value (RM)		Kekuatan (Liquor yang Memabukkan Sahaja) atau Kandungan Gula (Minuman Bergula Sahaja) atau apa-apa Maklumat yang Berkaitan Barang <i>Strength (Intoxicating Liquors Only) or Sugar Content (Sweetened Beverages Only) or any Relevant Information of the Goods</i>	Hal lain <i>Other matters</i>
				Bungkus <i>Packages</i>	Unit <i>Units</i>	Satu Unit <i>Per Unit</i>	Jumlah <i>Total</i>		

Saya memohon kebenaran untuk memindahkan barang-barang kepunyaan saya yang tersebut di atas. Saya mempunyai cara untuk mengetahui dan dengan ini memperakui bahawa butir-butir tersebut di atas adalah betul dalam segala hal.
I request permission to remove the above goods of which I am the owner. I have the means of knowing and do hereby certify that the above particulars are correct in every detail.

Untuk kegunaan rasmi sahaja
For official use only

Pemindahan yang dipohon dibenarkan,
 *tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:
*Removal permitted as requested, *subject to the following conditions:*

**SYARAT-SYARAT
 CONDITIONS**

Tandatangan:.....
Signature:

Jawatan:.....
Designation:

Tarikh:.....
Date:

.....
Pegawai Yang Hak/Proper Officer

.....
Tarikh/Date

Pemindahan selesai dijalankan dengan sewajarnya, *lihat Daftar Muatan Eksport No.*
Removal duly completed vide Export Manifest No.

.....
Pegawai Yang Hak/*Proper Officer*

.....
Tarikh/*Date*

* Potong mana yang tidak berkenaan/*Delete whichever is inapplicable*

Untuk kegunaan rasmi sahaja
For official use only

Penjelasan:.....
Classification:

Diterima/Received

SERAHAN DAN BAKI/*DELIVERIES AND BALANCES*

Catitkan di dalam tiap-tiap ruang empat segi itu nombor kuasa pemindahan, kuantiti yang dipindahkan dan baki yang masih ada dalam stok. Tiap-tiap catitan hendaklah disemak dan ditandatangani secara ringkas oleh seorang pegawai kanan eksais.

Enter in each square the number of the removal authority, the quantity removed and the balance remaining in stock. Each entry must be checked and initialled by a senior officer of excise).

"; dan

(b) dengan memotong Bahagian II.

Penggantian Jadual Kedua

63. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“

JADUAL KEDUA**BAYARAN LEBIH MASA**

(Peraturan 49)

Skel biasa bayaran lebih masa yang akan dikutip adalah seperti berikut:

Penolong Pengarah Kastam Penguasa Kastam		WK44 WK41	RM	14.50	setiap jam
Penolong Penguasa Kastam Tinggi I Penolong Penguasa Kastam Tinggi II Penolong Penguasa Kastam Kanan		WK40 WK36 WK32	RM	10.00 " "	"
Penolong Penguasa Kastam	WK29	RM	8.50	"	
Pegawai Kastam Tinggi I Pegawai Kastam Tinggi II Pegawai Kastam Kanan	WK28 WK26 WK22	RM	7.50	"	
Pegawai Kastam	WK19	RM	5.50	"	
Pemandu Kenderaan	H16	RM	3.00	"	
Pemandu Kenderaan	H14	RM	3.00	"	
Pemandu Kenderaan	H11	RM	2.50	"	

Kadar yang perlu dibayar adalah:

	<i>Bagi kerja lebih masa di antara waktu berikut</i>	<i>Kadar menurut skel yang dirujuk di atas</i>	<i>Caj Minima</i>
Hari kerja	6.00 a.m. to 8.00 a.m. 3.30 p.m. to 10.00 p.m. 10.00 p.m. to 6.00 p.m.	1 1/8	Satu jam
			Dua jam
Hari kelepasan mingguan	6.00 a.m. to 10.00 p.m. 10.00 p.m. to 6.00 a.m.	1 1/4 1 1/4 1 1/2	Dua jam Dua jam Dua jam
Hari kelepasan am	6.00 a.m. to 10.00 p.m. 10.00 p.m. to 6.00 a.m.	1 3/4 2	Dua jam Dua jam

Dengan syarat—

- a. Fi untuk setiap pegawai atau pekerja yang terlibat hendaklah dikira kepada lima sen yang lebih tinggi yang paling hampir;
- b. Jumlah bayaran minima fi yang dikutip adalah RM15.

”

Pemotongan Jadual Keempat

64. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memotong Jadual Keempat.

Dibuat 31 Disember 2019

[SULIT KE.HD(122)860/01 Klt.3(34); MOF.TAX(S)700-1/1/7 Jld.2(33); PN(PU2)337/XXIV]

LIM GUAN ENG
Menteri Kewangan

EXCISE ACT 1976

EXCISE (AMENDMENT) (NO. 2) REGULATIONS 2019

IN exercise of the powers conferred by subsection 85(1) of the Excise Act 1976 [Act 176], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Excise (Amendment) (No. 2) Regulations 2019**.

(2) These Regulations come into operation on 1 January 2020.

Amendment of regulation 2

2. The Excise Regulations 1977 [P.U. (A) 161/1977], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2—

(a) by deleting the definition of “full working day”;

(b) by deleting the definition of “half working day”;

(c) by deleting the definition of “public holiday”;

(d) by deleting the definition of “weekly rest day”;

(e) by inserting before the definition of “licensee” the following definitions:

‘ “working day” means any day which is not weekly holiday, public holiday or rest day;

“rest day” means Saturday;’;

(f) by substituting for the definition of "licensee" the following definition:

' "licensee" means any person licensed under section 25 of the Act;'; and

(g) by deleting the definition of "licensed manufacturer".

Deletion of Part II

